



APABILA BAHASA MELAYU DIPANDANG REMEH

BERDASARKAN pengalaman dan pemerhatian, pihak sekolah agak gelisah apabila ketiadaan guru mata pelajaran tertentu. Namun begitu, kegelisahan itu kurang ketara apabila guru Bahasa Melayu (BM) berpindah sekolah atau bersara.

PERBEZAAN tersebut tidaklah aneh kerana tanggapan bahawa BM boleh diajarkan oleh sesiapa sahaja masih menebal dalam fikiran pihak yang berkenaan.

Dalam situasi yang lain pula, penulis kerap juga diminta untuk menyemak laporan atau kertas kerja oleh pihak tertentu. Arahannya sekadar meminta penulis membetulkan kesalahan ejaan atau ayat, jika ada. Apabila menyampaikan ucapan, segelintir individu pula pasti memilih kata daripada bahasa asing dan mencampuradukkannya dengan bahasa Melayu agar tidak dianggap kekampungan.

Demikianlah antara beberapa realiti yang mewajarkan penulis dan pencinta bahasa menyatakan bahawa bahasa Melayu dianggap mudah, kurang penting dan tidak wajar dititikberatkan. Tanggapan ini bertambah nyata apabila pihak tertentu memperlihatkan sikap kurang yakin mereka akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sehingga ingin menggantikannya dengan bahasa Inggeris. Apabila angin Barat ini mula bertiup, warganegara yang “setia” akan menerimanya tanpa banyak bicara. Benarkah negara akan rugi seandainya bahasa Melayu tidak diperkecil meskipun bahasa Inggeris atau bahasa lain ingin diperkasakan? Sikap negatif warganegara tentang bahasa Melayu pastinya meninggalkan pelbagai kesan yang tidak menguntungkan sesiapa.

Bahasa, termasuklah bahasa Melayu merupakan alat komunikasi yang utama bagi manusia. Untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi, seseorang perlu menguasai bahasa. Amatlah mustahil, andainya seseorang dapat berkomunikasi dengan baik sedangkan bahasa yang digunakan itu tidak dikuasainya. Oleh sebab itu, pandangan negatif sesetengah warganegara terhadap bahasa Melayu, termasuklah sikap kurang meyakini bahasa kebangsaan itu tidak memungkinkannya ilmu bahasa itu dipelajari dan dikuasai oleh warganegara yang sedemikian. Sebagai akibatnya, lahir generasi muda yang gagal berkomunikasi dalam bahasa Melayu, malah ada yang berasa malu untuk berbicara dalam bahasa

Tanggapan ini bertambah nyata apabila pihak tertentu memperlihatkan sikap kurang yakin mereka akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sehingga ingin menggantikannya dengan bahasa Inggeris. Apabila angin Barat ini mula bertiup, warganegara yang “setia” akan menerimanya tanpa banyak bicara.

tersebut. Perhatikanlah betapa daifnya bahasa Melayu yang digunakan oleh anak muda pelbagai bangsa apabila mereka ditemu ramah oleh pihak media.

Kebanyakan cendekiawan pula tidak mampu menggunakan bahasa Melayu yang dapat diteladani. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk semacam menjadi lambang kecendekiawanan negara. Situasi yang hingga kini masih ketara secara tidak langsung memperlihatkan kegagalan matlamat Pendidikan Bahasa Melayu di sekolah, khususnya untuk membolehkan setiap warganegara menggunakan bahasa Melayu dengan baik sama ada secara lisan ataupun tulisan. Apakah jenis warganegara kita sekiranya kepincangan yang sedemikian dipandang sebelah mata?

Untuk menulis kertas kerja, laporan, surat dan apabila menyampaikan ucapan, mahu tidak mahu pengguna menggunakan bahasa Melayu. Masalah mula timbul bagi sesetengah individu apabila idea yang ingin diketengahkan itu kadangkala sukar difahami oleh kumpulan sasaran, walaupun tidak gagal sepenuhnya. Kadangkala, terdapat idea yang sepatutnya dapat disampaikan dengan menggunakan dua atau tiga ayat, terpaksa disampaikan dengan panjang lebar disebabkan oleh kelemahan berbahasa. Contoh yang berikut menjadi bukti:

Apabila kita menterjemah sukan salah satu aktiviti yang apabila kita dan khalayak ramai melakukannya dapat mengeluarkan peluh untuk menjadikan kita sebagai warganegara yang sihat serta dapat melakukan aktiviti harian dengan baik. Harus diingat bahawa apabila seseorang itu bersukan, tidak kira apa usianya, tua ataupun muda, lelaki atau perempuan, maka individu yang berkenaan akan menjadi sihat dan cergas. Demikianlah pentingnya aktiviti bersukan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang sihat dan cergas kerana sukan penting untuk kesihatan tubuh badan.

(78 patah perkataan)

Contoh penggunaan ayat yang tidak gramatis.

Kecenderungan penutur mengulangi perkara yang hampir sama merupakan suatu pembaziran. Kesalahan binaan ayat secara tidak langsung memberikan gambaran tentang kelemahan individu yang berkenaan dari segi bahasa. Perkongsian idea yang longgar, seperti dalam perenggan di atas ternyata membosankan pembaca atau pendengar. Maklumat di atas seharusnya dapat disampaikan dengan cara yang lebih ringkas dan jelas, dalam kotak warna di sebelah.

Gunakan bahasa yang baik mengikut kesesuaian tempat.



Aktiviti bersukan penting untuk kesihatan kerana semasa bersukan badan seseorang akan berpeluh. Individu yang sihat dapat melakukan aktiviti harian dengan baik. Tegasnya, aktiviti bersukan penting untuk melahirkan warganegara yang sihat dan cergas.

(32 patah perkataan)

Contoh penggunaan ayat yang betul.

Kadangkala, pertikaian tentang ucapan atau tulisan seseorang kerap diperkatakan dan tersiar melalui media. Antara ulasan pihak yang berkenaan, termasuklah kesilapan membuat tafsiran atau tidak memahami maksud perkara yang diperkatakan. Sekiranya pertikaian itu bukan bersifat “politik”, puncanya hanya dua, iaitu kelemahan penutur atau penulis memilih perkataan untuk membina ayat atau kelemahan kumpulan sasaran yang tidak memahami perkara yang ingin disampaikan. Dengan perkataan lain, pertikaian sedemikian dapat dikurangkan sekiranya penutur atau penulis dapat menggunakan bahasa dengan tepat apabila memperkatakan sesuatu dan kumpulan sasaran pula bijak membuat tafsiran.

Di sekolah, guru mendidik pelajar agar menguasai tatabahasa bahasa Melayu. Pelajar diminta untuk memilih perkataan yang betul, menggunakan imbuhan yang tepat, tidak melakukan kesalahan ejaan dan membina ayat yang gramatis apabila memperkatakan sesuatu. Malang sekali, semua ilmu atau panduan yang dipelajari di sekolah lenyap begitu sahaja setelah pelajar melangkah keluar dari bangku sekolah. Buktinya jelas apabila usaha untuk menangani pencemaran bahasa dianggap remeh dan matlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu belum nampak keberkesanannya. Maka, tidak hairanlah sekiranya pihak yang berkenaan tergamak menulis ayat atau menyampaikan ucapan seperti pada halaman di sebelah.

**SELAMAT DATANG KAMPUNG TANJUNG
BELIAU DILULUSKAN PERMOHONAN ITU**

TAHNAH DI ATAS PELANTIKAN TUAN SEBAGAI PENERUS

(Diubah suai daripada tulisan atau ucapan pihak tertentu)

Contoh penggunaan ayat yang tidak gramatis.

Aspek lain yang tidak kurang pentingnya dalam bahasa Melayu termasuklah pantun, peribahasa, kiasan, bidalan dan pepatah. Keupayaan memanfaatkannya dengan betul bukan sahaja menjadikan perbualan, ucapan atau tulisan seseorang menarik dan pelbagai, tetapi dalam masa yang sama menampakkan ketinggian budi pekerti penuturnya. Tanpa ilmu, khazanah bangsa itu tidak dapat digunakan dengan baik. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sekiranya pantun ciptaan individu tertentu kadangkala menjadi bahan ketawa khalayak. Pendek kata, sikap negatif pengguna terhadap bahasa Melayu memungkinan khazanah bangsa itu terkubur tanpa nisannya.

Panggilan hormat kepada individu tertentu, misalnya pengetua harus tidak sembarangan. Namun begitu, oleh sebab perkara ini kurang diberikan perhatian ada yang menggunakan Yang Dihormati, Yang Berusaha dan Yang Berbahagia kepada pengetua. Ertinya, guru atau kakitangan sekolah menggunakan kata sapaan "sesedap

rasa" yang pastinya menjadi ikutan pelajar. Pihak yang berkenaan pula membiarkannya lantaran tiada keyakinan untuk membetulkan kesilapan. Masalah yang sedemikian dapat dielakkan sekiranya aspek kesantunan berbahasa yang dipelajari oleh pelajar tingkatan enam itu diberikan perhatian.

Sikap mengetepikan bahasa Melayu oleh sesetengah guru boleh menjejaskan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang dikendalikan. Kelemahan guru menggunakan bahasa Melayu menyebabkan guru yang berkenaan memberikan penerangan tentang sesuatu dengan menggunakan bahasa yang bercampur aduk. Penggunaan bahasa yang sedemikian akan menjadi ikutan pelajar. Apabila dibiasakan, pelajar tentu sukar untuk menjawab soalan bagi mata pelajaran bukan BM dengan tepat dalam bahasa Melayu.

Di bilik darjah, guru BM akan membetulkan kesalahan bahasa pelajar, khususnya dari segi binaan frasa dan ayat, penggunaan kata hubung dan

kata sendi nama, ejaan dan lain-lain. Kekeliruan pasti timbul apabila guru mata pelajaran bukan BM sering melakukan kesalahan bahasa yang diperkatakan oleh guru BM. Jika guru BM sahaja yang cuba mendidik pelajar agar menggunakan bahasa dengan betul, sedangkan tujuh atau lapan guru mata pelajaran bukan BM menggunakan bahasa Melayu sesuka hati, kemungkinan pelajar mencontohi yang majoriti amatlah tinggi. Masalah ini akan berkurangan sekiranya pelaksanaan orientasi Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum yang pernah diuar-uarkan suatu ketika dahulu tidak bersifat "hangat-hangat tahi ayam".

Apabila masalah kecelaruan bahasa ditimbulkan, kebanyakan pengguna akan memberikan alasan bahawa tatabahasa bahasa Melayu dan sistem ejaannya kerap berubah. Selain itu, bahasa Melayu dikatakan banyak mazhabnya. Tanpa berfikir panjang, fitnah itu disokong, termasuk oleh segelintir guru BM. Perbezaan mazhab dalam soal menggunakan imbuhan, membina frasa dan ayat serta ejaan tidak sepatutnya ditimbulkan kerana mazhab yang dimaksudkan itu sebenarnya tidak wujud. Sekiranya mazhab itu wujud, apakah nama mazhab itu dan apakah perbezaan yang ketara?

Demikianlah antara permasalahan yang sukar dielakkan apabila bahasa Melayu dipandang remeh. Selain menampakkan usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu merupakan sandiwara, masyarakat antarabangsa boleh melabelkan kita sebagai warganegara yang tidak sayang akan bahasa sendiri. **PB**

